

# Hentikan aktiviti perlombongan di Tasik Chini

Jun 11, 2021 @ 9:44am



Aktiviti pembalakan dan perlombongan di Tasik Chini boleh menyebabkan kemusnahan ekosistem...- Foto fail NSTP

KUALA LUMPUR: Sahabat Alam Malaysia (SAM) menggesa Kerajaan Negeri Pahang mengambil tindakan segera dengan menghentikan semua aktiviti perlombongan di tasik semula jadi kedua terbesar di Malaysia, Tasik Chini dan kawasan sekitarnya.

Presiden SAM, Meenakshi Raman, berkata hanya dengan komitmen kerajaan negeri sahaja yang mampu menyelamatkan Tasik Chini, Pekan daripada terus mengalami kemusnahan ekosistemnya.

"Antara tindakan segera lain yang perlu dilakukan ialah empangan kecil yang menjejaskan ekosistem semula jadi Tasik Chini hendaklah dirobohkan.

"Tindakan selanjutnya, SAM turut menggesa kerajaan negeri mewartakan keseluruhan Tasik Chini dan kawasan sekitarnya sebagai kawasan perlindungan kerana ia adalah satu daripada kawasan sensitif alam sekitar," katanya dalam kenyataan di sini, hari ini.

Beliau berkata, sekiranya kerajaan negeri tidak memberikan komitmen terhadap isu berkenaan, turut dikhuatiri pengisytiharan Tasik Chini sebagai rizab biosfera oleh Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO), pada Mei 2009, berkemungkinan akan ditarik balik.

Jabatan Alam Sekitar Negeri Pahang semalam memaklumkan, tahap kualiti air di Tasik Chini masih bersih dan selamat untuk semua hidupan.

Isu membabitkan Tasik Chini tiba-tiba tular di media sosial baru-baru ini, yang memaparkan gambar keadaan 'terkini' tasik berkenaan, didakwa terancam berikutan aktiviti perlombongan.

Isu ini turut menimbulkan pelbagai reaksi masyarakat, termasuk Ahli Parlimen Pekan, Datuk Seri Najib Tun Razak yang mendakwa ia adalah gambar lama, dirakam dua tahun lepas.

– BERNAMA